

Impak Covid-19 Terhadap Minat Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar

Faisal Husen Ismail¹, Muhammad Masruri^{1*}, Arwansyah Kirin¹, Shakila Ahmad¹, Fitriah Suud²

¹ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor 84600, MALAYSIA

² Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Jl. Brawijaya, Geblagan, Tamantirto, Kec. Kasihan, Kabupaten Bantul, Daerah Istimewa Yogyakarta 55183, INDONESIA

*masruri@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.005>

Received 10 May 2023; Accepted 6 June 2023; Available online 10 July 2023

Abstrak: Wabak Covid-19 mengakibatkan kesan dan perubahan pada kehidupan normal manusia. Setiap orang merasai kesan Covid-19 termasuk remaja. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan Covid-19 terhadap minat keusahawanan di kalangan remaja. Kajian ini dijalankan kepada mahasiswa yang sedang menuntut di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia cawangan Pagoh. Objek kajian adalah mahasiswa yang mempunyai minat terhadap keusahawanan di masa pandemic Covid-19. Sampel kajian akan dipilih secara rawak di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UTHM Pagoh. Data kajian ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Selain itu kajian ini bagi mengenalpasti perbezaan pengaruh variable-variable eksogenus terhadap variabel endogenus kajian berdasarkan lokasi (mahasiswa bandar dan luar bandar) terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minta keusahawanan di kalangan remaja. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah tinjauan, melibatkan seramai 250 orang pelajar dari kawasan bandar dan luar bandar. Justeru kajian ini diharapkan dapat memberikan input berguna bagi penambahbaikan kompitensi mahasiswa selepas mereka bergraduasi serta mencapai matlamat falsafah pendidikan kebangsaan bagi melahirkan warga negara Malaysia yang berketrampilan.

Kata Kunci: Covid-19, impak, keusahawanan, remaja, UTHM.

Abstract: Covid-19 outbreaks result in effects and changes in normal human life. Everyone feels the effects of Covid-19, including teenagers. This study aimed to determine the effect of Covid-19 on entrepreneurial interest among adolescents. We conducted this study on students who are studying at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Pagoh branch. The object of the study was a student with an interest in entrepreneurship at the time of the Covid-19 pandemic. We will randomly select the study sample among UTHM Pagoh branch students. We will analyze the data for this study using SPSS software. In addition, this study to identify the differences in the

influence of exogenous variables on the endogenous variables of the study based on location (urban and rural students) on the factors that influence the demand for entrepreneurship among adolescents. This qualitative study uses a survey method involving 250 students from urban and rural areas. Therefore, this study is expected to provide useful input for the improvement of students' competencies after they graduate and achieve the goals of the national education philosophy to produce good-looking Malaysian citizens.

Keywords: Covid-19, entrepreneurship, adolescence, UTHM.

1. Pendahuluan

Pendidikan merupakan elemen penting dalam membangun kemajuan sesebuah bangsa. Manakala pelajar pula merupakan elemen penting bagi usaha memajukan Pendidikan. Kemajuan dari sudut pengurusan mahupun teknologi juga amat bergantung kepada kefahaman dan pengamalan pelajar terhadap ilmu yang diperolehi dari Pendidikan peringkat bawah, menengah dan Pendidikan tinggi. Berkaitan dengan hal tersebut, Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2015) dirangkan bagi mewujudkan hasrat mendidik pelajar yang berbakat, berkemahiran dan berilmu. Hal ini bertujuan bagi merealisasikan kehendak melahirkan pelajar yang mampu berdepan dengan cabaran abad ke 21. Bahkan PPPM (PT) berhasrat membentuk diri graduan pelajar yang holistic serta seimbang yang mempunyai ciri keusahawanan. Hal ini selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Walau bagaimanapun, pada kenyataannya masih ramai dalam kalangan graduan IPT belum dapat merealisasikan hasrat PPPM (PT). hal ini menjadi cabaran kepada kurikulum Pendidikan tinggi mewujudkan hasrat mulia tersebut. Kecenderungan masyarakat Malaysia masih lagi ramai dalam trend makan gaji. Kerajaan Malaysia berusaha mengubah persepsi makan gaji sahaja merupakan pekerjaan mulia dan menguntungkan. Jargon “Bertani merupakan satu perniagaan” “Berniaga suatu ibadah” antara cara bagi merubah keadaan tersebut. Berkerja sendiri membolehkan peluang pekerjaan menjadi lebih banyak. Kebergantungan kepada kerja yang ditawarkan dan kekosongan bagi mengisi kerja di badan-badan kerajaan akan dapat dikurangkan. Selain itu persaingan tidak sihat bagi memperolah pekerjaan akan dapat dikurangkan.

Menurut Pihie & Akmaliah (2009) seseorang yang hendak menjadi usahawan mestilah mempunyai pengetahuan terhadap ciri-ciri usahawan [1]. Walaupun faktor keturunan seseorang yang mempunyai ibu bapa berlatar belakang usahawan, tidak semestinya diwarisi anak-anaknya. Hal ini selari dengan pandangan Nor Aishah (2002) bahawa keluarga turut mempunyai pengaruh terhadap sikap keusahawanan sebagai satu kerjaya yang ingin digeluti [2].

Keadaan kini semakin rumit dan kompleks dalam pemilihan kerjaya. Hal ini disebabkan keadaan persekitaran yang berubah menyebabkan keadaan di luar jangkaan serta tidak menentu. Keadaan Covid-19 yang mula melanda dunia pada akhir 2019 turut memperparah hampir semua bahagian kehidupan manusia. Keadaan Covid-19 yang belum menunjukkan penurunan jangkitannya yang signifikan telah menambah peningkatan pengintegrasian ekonomi akibat globalisasi [3]. Implikasi terhadap ekonomi, sektor pekerjaan, Pendidikan, industri pelancongan antara sektor yang terjejas teruk akibat pandemic Covid-19. Ini memberikan kesan terhadap usaha negara memulihkan ekonominya serta menyebabkan negara dan rakyat terdedah kepada sebarang perubahan yang berlaku sama ada di peringkat global.

Kemasukan jumlah pelajar yang ramai ke peringkat Pendidikan tinggi merupakan berita gembira yang patut dibanggakan. Rancangan negara bagi mempastikan semua rakyatnya mendapat Pendidikan tinggi patut diberikan penghargaan. Namun keadaan ini menyebabkan persaingan pasaran kerja semakin kompetitif. Peningkatan jumlah pengangguran di kalangan lepasan graduan pelajar IPT menjadi perbincangan hangat di TV mahupun akhbar tempatan mahupun global. Justeru, keadaan ini

telah berlaku sebelum pandemik Covid-19. Bahkan semasa pandemik Covid-19 keadaan ini semakin bertambah serta memberi impak besar terhadap krisis pengangguran di kalangan graduan IPT. Oleh itu, tuntutan kepada pelajar untuk melengkapi diri mereka dengan kemahiran serta keupayaan yang selari dengan kehendak pasaran kerja perlu diberi perhatian [4].

Justeru, kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar IPTA bagi mendapatkan adakah bidang keusahawanan menjadi pilihan mereka pada masa menghadapi pandemic Covid-19. Kajian ini juga dijalankan bagi meneroka persepsi siswazah tentang kerjaya keusahawanan pada masa pandemic Covid-19. Seterusnya kajian ini bagi mengenalpasti hubungan Covid-19 terhadap minat kerjaya keusahawanan dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Hal ini disebabkan keadaan pandemik Covid-19 merupakan cabaran dalam mendepani ekonomi yang meruncing. Justeru diharapkan pelajar merupakan golongan yang mempunyai kesempatan bagi mengorak langkah mendepani cabaran abad 21 serta diharapkan mencorak negara pada masa hadapan. Pendedahan pelajar kepada pengambilan keputusan yang tepat pada masa genting, mereka juga mempunyai kepakaran dalam menggunakan IT serta mempunyai pengetahuan pada tahap tinggi yang dipelajari di universiti. Hal ini sangat berguna dalam mendepani cabaran norma baharu akibat pandemic Covid-19. Hal ini akan menjadi kebaikan jika dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Galakan mengambil kerjaya sebagai usahawan perlu terus digalakkan sebagaimana dikehendaki PPPM (PT) serta memacu adrenalin pelajar ke arah keusahawanan kerana golongan ini berpotensi menjadi usahawan berjaya. Sebelum menamatkan pengajian mereka, pelajar didedahkan untuk menceburi bidang keusahawanan. Kemauan, sikap dan persepsi tidak datang sendiri kepada pelajar, namun perlu didedahkan dan didekatkan terhadap kerjaya keusahawanan.

2. Permasalahan Kajian

Lambakan graduan yang tidak berkerjaya pada masa kini menimbulkan soalan berkaitan kualiti siswazah. Kerajaan berusaha menyelesaikan hal ini melalui pencapaian holistik yang berasal dari pengalaman pembelajaran di IPT. Sepanjang tempoh pembelajaran, pensyarah mahupun pengurusan universiti berusaha melakukan amalan penajaran konstruktif melalui reka bentuk kurikulum mahupun kokurikulum pada peringkat Kursus dan program adalah berkualiti. Pendekatan pengajian melalui penekanan kepada hasil pembelajaran yang menghendaki peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta adaptif dan sikap telah diamalkan sepanjang tempoh pengajian.

Walau bagaimanapun jumlah pengangguran yang semakin meningkat bukan hanya disebabkan semakin ramai graduan siswazah sahaja. Peningkatan pengangguran turut dipengaruhi faktor lain seperti pemberhentian pekerja pada sektor swasta meningkat disebabkan kilang tidak lagi beroperasi ataupun pengurangan jumlah kakitangan pekerja. Apabila sektor swasta mengambil pendekatan mengefesienkan perbelanjaan akibat kuncupan ekonomi di peringkat global serta pandemic Covid-19 mengakibatkan peluang pekerjaan semakin menggecil. Graduan siswazah bumiputera antara bilangan yang lebih ramai berbanding graduan bukan bumiputera. Menurut Haris (2016) ini kerana siswazah graduan bukan bumiputera lebih banyak diserap masuk dalam perniagaan yang dijalankan keluarga mereka [5]. Justeru siswazah telah didedahkan dengan ilmu berkemahiran tinggi dalam bidang mereka ambil. Aktiviti pembelajaran dirancang bagi memberi peluang siswazah melibatkan diri dalam aktiviti bagi mencapai tahap kompeten sehingga dapat bersaing dalam pasaran kerja.

Berdasarkan perbincangan di atas, persoalan berkaitan minat siswazah terhadap kerjaya keusahawanan perlu diketahui. Adakah kurangnya minat terhadap keusahawanan pelajar bagi membantu membuka peluang pekerjaan baru bagi siswazah dan mengurangkan kebergantungan kepada peluang pekerjaan yang disediakan sektor awam berpunca daripada kurang pendedahan tentang pengenalan dan pembudayaan kerjaya keusahawanan sejak dari peringkat sekolah berterusan hingga ke peringkat universiti? Adakah kurangnya penekanan dan pengiktirafan terhadap kerjaya keusahawanan

sebagai satu peluang kerjaya menyebabkan kurangnya minat siswazah mencebur ke bidang ini? Tujuan utama kajian ini adalah bagi menerokai minat siswazah dalam kerjaya keusahawanan. Selain itu kajian ini juga untuk mengenal pasti faktor minat dan keinginan bagi pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Manakala objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah: (1) Mengenalpasti minat siswazah UTHM dalam memilih kerjaya keusahawanan; (2) Mengenalpasti sebab-sebab pelajar memilih kerjaya keusahawanan sebagai aspirasi kerjaya masa depan mereka; (3) Apakah faktor-faktor yang menggalakkan pelajar memilih kerjaya keusahawanan; (4) Apakah ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar; (5) Perkaitan antara minat siswazah terhadap kerjaya keusahawanan dengan sikap terhadap kerjaya keusahawanan, jantina, jurusan pengajian, bangsa dan ahli keluarga peniaga

3. Sorotan Kajian Lepas

Kerjaya keusahawanan didefinisikan sebagai pengalaman yang dipunyai seseorang dalam bidang perniagaan sama ada dalam bentuk kuantiti dan kualitinya [6]. Jumlah kuantiti perniagaan yang dipunyai seseorang merujuk kepada pengalaman membangun perniagaan sendiri mahupun melalui pengalaman berkerja sendiri mahupun membantu perniagaan keluarga. Pengalaman negatif mahupun positif dalam perniagaan menerusi pengalaman menyertai perniagaan pula merujuk kepada kualiti perniagaan seseorang. sumber-sumber pengalaman dapat membantu membina dan menempa seseorang dalam pengambilan keputusan dalam urusan perniagaan.

Pendedahan awal terhadap minat keusahawanan juga dapat membantu seseorang mengubah pandangannya terhadap minat kerjaya keusahawanan. Perkembangan peribadi pelajar dan pembinaan jaringan keusahawanan dengan pengawasan daripada pengajar dapat menjadi boleh ubah kepada minat pelajar. Kajian yang dijalankan Noor, et.al. (2020) terhadap 180 pelajar peserta program keusahawanan pelajar STIE Mahardhika Surabaya mendapat bahawa pengembangan diri secara signifikan mempengaruhi minat keusahawanan. Motivasi diri peribadi memberi pengaruh besar kepada pengembangan peribadi seterusnya mempengaruhi minat terhadap kerjaya keusahawanan. Bahkan Noor, et. al (2020) mendapat kemampuan guru mempengaruhi tidak begitu signifikan sekiranya pengembangan diri dapat dilakukan pelajar dengan baik. Selain itu, kajian tersebut mendapat bahawa jaringan kepada usahawan tidak mempengaruhi secara dominan kepada minat keusahawanan [7]. Pemboleh ubah jaringan mahupun rangkaian keusahawanan tidak signifikan mempengaruhi minat pelajar dalam mencebur ke kerjaya keusahawanan. Walau bagaimanapun, jaringan keusahawanan mampu meningkatkan kualiti guru yang mendampingi pelajar. Seterusnya kajian tersebut mendapat kemampuan diri guru dalam kerjaya keusahawanan mempengaruhi minat diri mereka terhadap kerjaya keusahawanan secara signifikan. Oleh itu, pengembangan diri serta kemampuan diri mempunyai pengaruh besar terhadap kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar dan guru.

Pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting bagi membekalkan ilmu yang menepati berkaitan model keusahawanan pelajar. Hal ini untuk memberikan dorongan dan motivasi kepada pelajar mengenali kerjaya keusahawanan di peringkat awal persekolahan. Penerusan model Pendidikan keusahawan perlu mendapat perhatian semua pihak. Kajian yang dijalankan Ruswanti et al. (2014) mendapat keperluan kepada model Pendidikan keusahawanan bagi pelajar di Universiti Esa Unggul [9]. Beliau turut mendapat bahawa latihan industri rumah tangga menjadi faktor terpenting dalam pilihan pelajar, diikuti dengan ceramah ekstrakurikuler dan tatap muka. Namun realiti yang berlaku jumlah pelajar berminat belajar dan berkerjaya keusahawanan kurang seimbang dengan bidang lain di Universiti. Manakala kajian Ruswanti (2016) yang dijalankan ke atas 119 responden yang telah mengikuti kursus keusahawanan yang berumur antara 19-24 tahun berkaitan sikap dan niat keusahawanan mendapat bahawa pengetahuan keusahawanan, melatih industri rumah tangga mempengaruhi sikap dan niat keusahawanan pelajar [10]. Beliau turut mencadangkan supaya Universiti mewujudkan mata pelajaran keusahawanan. Ini kerana memotivasi pelajar untuk mengembangkan

keyakinan kemahiran industri rumah tangga menjadikan makanan ringan yang diproses, sikap dan niat untuk bersiap untuk menjadi usahawan.

Pengaruh ibu bapa memberikan sokongan kepada pemilihan kerjaya keusahawanan turut mempengaruhi pelajar membuat pilihan tersebut. Selain itu keperluan kepada pengiktirafan diperangkat komuniti juga memberikan efek kepada minat pemilihan kerjaya keusahawanan. Kajian yang dijalankan Schmitt-Rodermund (2002) kepada pelajar berumur 10 hingga 14 tahun menunjukkan kepada minat dan keberkesan diri bagi memberikan dorongan kepada orientasi keusahawanan [11]. Schmitt-Rodermund (2002) menjangkakan minat dan keberkesan diri merupakan antara faktor penting kepada pelajar yang dikaji kepada prospek berkerja sendiri pada masa hadapan [11]. Selanjutnya, keperibadian dan model keluarga yang bekerja sendiri diharapkan dapat meramalkan tahap minat kepada kerjaya keusahawanan. Walau bagaimanapun pelajar yang lebih bersedia untuk berusaha, maka usaha mereka kepada pencapaian kerjaya keusahawanan lebih tinggi dengan sikap yang berhati-hati, terbuka kepada pengalaman baru, cekap mengurus diri. Namun bagi pelajar yang kurang bersedia menjadikan kerjaya keusahawanan, pengiktirafan masyarakat merupakan pemboleh ubah yang sifnifikan [11] [12].

Kajian yang dijalankan Zhang et al. (2014) mendapati pengaruh negatif kepada pelajar yang didedahkan keusahawanan pada peringkat awal dalam kalangan pelajar universiti di China [13]. Dapatkan kajian tersebut beranggapan bahawa pengalaman negatif yang dilalui semasa menjalani keusahawanan di peringkat awal menyumbang kepada pandangan negatif pelajar seterusnya memberi pengaruh ke atas tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar. Stress, waktu kerja yang lama, muflis mungkin antara pengalaman negatif yang dilalui pelajar semasa menjalani keusahawanan berkemungkinan menjadi penghalang untuk merealisasikan aspirasi keusahawanan.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa faktor kuantiti dan kualiti memberi impak ke atas kehendak keusahawanan seseorang. Begitu juga ibu bapa mahupun pengiktirafan masyarakat turut memberikan dorongan yang baik kepada pelajar yang kurang mempunyai keinginan mengambil peluang berkerjaya keusahawanan. Pengalaman menarik semasa melakukan percubaan keusahawanan boleh mendorong pelajar memilih kerjaya keusahawanan pada masa hadapan. Manakala pengalaman buruk seseorang berkemungkinan memberikan impak untuk meninggalkan dan mematahkan semangat daripada berkerjaya keusahawanan.

4. Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif merupakan pendekatan kepada kajian ini. Tinjauan dan soal selidik digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data melalui soal selidik merupakan kaedah yang efisien [14]. Penggunaan kaedah ini membolehkan mencapai responden yang sukar dihubungi seperti jarak yang jauh. Begitu penggunaan kaedah ini boleh mengefesienkan masa dan kos, menjangkau jarak yang jauh. Begitu pula boleh mengurangkan risiko jangkitan virus pada masa pandemic Covid-19 serta memberikan masa kepada responden berfikir sebelum memberikan jawapan.

Soal selidik sebagai instrumen kepada kajian ini dibahagikan kepada profil responden seperti nama, bangsa, jantina, jurusan pengajian, pilihan keusahawanan sebagai kerjaya dan alasan, kursus keusahawanan yang pernah dihadiri, minat dan sikap terhadap kerjaya keusahawanan, latar belakang pekerjaan ibu bapa, dan ahli keluarga peniaga. Selain itu, para pelajar diminta memberi maklumat tentang faktor-faktor utama yang mempengaruhi mereka dalam memilih kerjaya keusahawanan, ciri keusahawanan yang dimiliki, minat dan sikap mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Item-item dalam soal selidik telah diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian pengkaji, buku Rubrik Pngk Bersepadu: Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran Kementerian Pendidikan Tinggi tahun 2016.

Item-item soal selidik menggunakan skala likert 5 poin dengan skor (1) Sangat tidak setuju, (2) Kurang setuju, (3) Setuju, (4) Sangat setuju dan (5) Sangat-sangat setuju. Bagi pengiraan maklumat profil responden, statistik deskriptif dengan peratus dan frekuensi kekerapan. Analisis korelasi Pearson

digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian, manakala ujiant dan analisis ANOVA. Satu hala digunakan untuk analisis perbezaan antara pemboleh ubah kajian. Populasi kajian adalah seramai 221 orang pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dari beberapa fakulti telah dipilih sebagai sampel kajian.

Manakala nilai kesahan bagi setiap subkonstruk melebihi 0.3. Menurut Din et al. (2009) instrumen ini adalah baik dan boleh diguna pakai kerana kebolehpercayaan melebihi 0.6 dan kesahan melebihi 0.3. Penganalisaan data kajian menggunakan SPSS 23.0. Pemboleh ubah bagi setiap skala pentaksiran min berpandukan kepada skala pentaksiran min yang dibangunkan oleh Norasmah dan Salmah (2011) sebagaimana jadual 1. Analisis regresi pelbagai telah digunakan oleh pengkaji untuk menentukan pengaruh faktor-faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan.

Jadual 1: Skala Pentaksiran Min

Min	Pentaksiran Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

5. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan analisis deskriptif, dari segi jantina 111 orang (50.2%) responden adalah pelajar lelaki manakala 110 orang (49.8%) responden adalah pelajar perempuan. Dari segi pembahagian mengikut umur, 56 orang (5.7%) berumur 20 tahun, 78 orang (32.1%) berumur 21 tahun, 57 orang (40%) berumur 22 tahun, 21 orang (17.7%) berumur 23 tahun, manakala 9 orang (4.5%) berumur 24 dan ke atas. Jadual 1 menunjukkan profil responden mengikut jantina, bangsa, umur dan jurusan siswazah. Jadual 1 menunjukkan profil responden.

Jadual 2: Profil Responden Kajian

	Item	Frekeuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	111	50.2
	Perempuan	110	49.8
Bangsa	Melayu	164	74.2
	Cina	35	15.8
	India	11	5.0
	Lain-lain	11	5.0
Jurusan	Pengajian	221	100
	Teknikal		
	Bukan Teknikal	0	0.0
Kursus Keusahawanan	Pernah Hadiri	134	60.6
	Tidak Pernah Hadir	87	39.4
Terlibat berkerjaya keusahawanan pada masa sekarang	Ya	74	33.5
	Tidak	147	66.5

5.1 Minat Pelajar terhadap Kerjaya Keusahawanan

Minat terhadap kerjaya keusahawanan yang ditunjukkan pelajar UTHM masih belum menunjukkan minat yang untuk menjadi usahawan belum memberangsangkan. Hal ini ditunjukkan dalam jadual 1 yang mana hanya 33.5% siswazah yang terlibat dalam keusahawanan pada masa sekarang ini. Peratusan ini masih agak kecil berbandingkan dengan penyediaan kurikulum mahupun kokurikulum melalui inisiatif dan insentif yang diwujudkan bagi mendedahkan lebih ramai siswazah terlibat dalam kerjaya keusahawanan. Hal ini ditunjukkan daripada jumlah siswazah pernah menyertai kursus keusahawanan yang diadakan di UTHM dengan jumlah 134 orang (60.6%) (jadual 1).

Data ini menunjukkan masih ramai di kalangan siswazah UTHM mempunyai hasrat untuk berkerja makan gaji selepas mereka menamatkan pengajian. Majoriti pelajar yang terlibat dalam kursus keusahawanan (60.6%) namun belum dapat mengubah dan mempengaruhi siswazah untuk melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan. Walaupun demikian masih ramai dalam kalangan siswazah belum berminat melibatkan diri dalam kegiatan ataupun kursus berkaitan kerjaya keusahawanan (39.4%) sama ada yang dijalankan pihak universiti mahupun pihak luar. Pihak universiti melalui bantuan dana daripada kementerian pembangunan usahawan dan koperasi mahupun kokurikulum yang menyediakan banyak kursus keusahawanan secara percuma bagi memberi pendedahan kepada siswazah UTHM.

Dapatkan kajian juga menunjukkan minat terhadap terhadap keusahawan menunjukkan tahao yang agak tinggi (60.6%) yang melibatkan diri dalam kursus keusahawanan mempunyai pengaruh terhadap kehendak menggeluti kerjaya keusahawanan siswazah UTHM (Jadual 1). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keinginan menghadiri kursus antara faktor yang menyumbang kepada pendekatan menekuni kerjaya keusahawanan. Hal ini disebabkan faedah yang dapat diperolehi daripada kerjaya keusahawanan seperti pembangunan potensi diri, penghasilan yang lumayan. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan Douglas dan Shepherd (2002), bahawa pemilihan ke atas kerjaya pemilihan seseorang sekiranya seseorang individu beranggapan bahawa faedah kerjaya keusahawanan memberikan pulangan yang lumayan berbandingkan dengan pemilihan kerjaya yang lain. Justeru terdapat keperluan kepada pihak pentadbiran universiti mahupun pensyarah untuk menggembangkan tenaga untuk mengingkatkan kesedaran pelajar terhadap kelebihan dan nilai berkerjaya keusahawanan. Keperluan untuk memberi pendedahan siswazah lebih banyak dengan program keusahawanan dan menyediakan platform kursus bagi kerjaya keusahawanan bagi memebri pendedahan lebih banyak kepada siswazah.

5.2 Tahap Ciri Keusahawanan Dalam Diri SiswaZah

Ciri-ciri keusahawanan dalam diri siswazah turut ditanyakan. Antara ciri keusahawanan yang dikaji termasuk wawasan terhadap keusahawanan, berkayakinan diri, visi, mempunyai komitmen yang baik terhadap kerja, pengetahuan terhadap keperluan membina hubungan keusahawanan, menyukai menjalankan aktiviti keusahawanan, memiliki idea kreatif dan inovatif, kemampuan menyediakan laporan refleksi berkaitan program keusahawanan, berani mengambil risiko, mempunyai lokus kawalan dalaman dan mencari maklumat berkaitan kewangan dan sumber bagi kos keusahawanan.

Secara keseluruhannya, tahap ciri keusahawanan responden yang dikaji mempunyai tahap sederhana tinggi seperti wawasan terhadap keusahawanan (min 4.02), keperluan membina hubungan keusahawanan (min 4.23). Manakala bagi ciri tahap menyukai aktifiti keusahawanan (min 3.80), kemampuan menyediakan laporan refleksi program keusahawanan (min 3.31), berani mengambil risiko (min 3.33), keterujaan (min 3.80), mempunyai lokus kawalan dalaman (min 3.63), toleransi risiko (min 3.50), dan pengurusan kewangan (min 3.64), idea perniagaan yang jelas (3.33). ini bermakna kumpulan pelajar yang dikaji kurang mempunyai keyakinan terhadap keberanian mengambil risiko dalam keusahawanan yang dihadapi bakal usahawan (jadual 3).

Jadual 3: Ciri Keusahawanan Secara Keseluruhan

No	Item	Min	Sisihan piawai
1	Wawasan terhadap keusahawanan	4.02	.632
2	Pengetahuan terhadap keperluan membina hubungan keusahawanan	4.23	.747
3	Menyukai menjalankan aktiviti keusahawanan	3.80	.929
4	Kemampuan menyediakan laporan refleksi berkaitan program keusahawanan	3.31	.848
5	Peluang keusahawanan (Berani mengambil risiko)	3.33	.776
6	Keterujaan	3.80	.738
7	Mempunyai lokus kawalan dalaman	3.63	.781
8	Toleransi Risiko	3.50	.732
9	Pengurusan Kewangan	3.64	.794
10	Mempunyai idea perniagaan yang jelas dan memenuhi kehendak pelanggan	3.33	.776

5.3 Pemilihan Peluang Kerjaya Keusahawanan Masa Pandemik

Berdasarkan kepada jawapan responden, mereka mengambil peluang untuk menceburi kerjaya keusahawanan pada masa pandemic Covid-19. Seramai 46 siswazah (20.8%) telah mengambil peluang berkerjaya keusahawanan semasa pandemic Covid-19. Manakala seramai 66 siswazah (29.9%) telah terlibat kerjaya keusahawanan sebelum pandemic Covid-19 berlaku. Manakala baki responden 109 siswazah (49.3%) tidak melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan sebelum dan semasa pandemik Covid-19.

Pemilihan kerjaya keusahawanan pada masa pandemik Covid-19 dijalankan siswazah seramai 46 orang (20.8%). Manakala pelajar yang terlibat perniagaan sebelum pandemik dan masih terlibat semasa pandemic seramai 66 siswazah (29.9%). Manakala baki siswazah 109 orang (49.3%) tidak melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan.

Jadual 3.1: Bermula bila keusahawanan dijalankan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sebelum pandemik	66	29.9	58.9	58.9
	Semasa pandemik	46	20.8	41.1	100.0
	Total	112	50.7	100.0	
Missing	System	109	49.3		
	Total	221	100.0		

Walau bagaimanapun, peratus pelajar yang pernah terlibat menghadiri kursus keusahawanan sama ada diperingkat sekolah, kolej, universiti adalah seramai 134 siswazah (60.6%) berbanding baki responden 87 siswazah (39.4%) yang tidak pernah menyertai kursus keusahawanan. Hal ini menunjukkan jumlah siswazah yang pernah melibatkan diri dalam kursus adalah turut melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan. Bahkan responden yang menyatakan diri terlibat dalam keusahawanan sebelum dan semasa pandemik Covid-19 iaitu seramai 112 siswazah melebihi jumlah siswazah yang pernah menyertai kursus keusahawanan iaitu 134 siswazah.

Jadual 3.2: Pernah menyertai ceramah keusahawanan

		Frequency	Percent	Cumulative Percent	
				Valid Percent	Percent
Valid	Ya	134	60.6	60.6	60.6
	Tidak	87	39.4	39.4	100.0
	Total	221	100.0	100.0	

Kewujudan lebih ramai siswazah yang terlibat ramai dalam kerjaya keusahawanan turut dipengaruhi oleh wujudnya platform perolehan ilmu keusahawanan melalui media sosial seramai 39 siswazah (17.6%), ibu ayah dan rakan 33 siswazah (14.9%), program sekolah dan university seramai 38 siswazah (17.2%), minat dan belajar sendiri seramai 10 siswazah (4.5%). Ini menunjukkan lebih ramai yang terdedah dengan ilmu keusahawanan melalui media sosial. Namun keputusan tersebut berimbang dengan pembelajaran tentang keusahawanan daripada ibu ayah dan program yang dijalankan universiti dan sekolah.

Jadual 3.3: Belajar tentang keusahawanan

		Frequency	Percent	Cumulative Percent	
				Valid Percent	Percent
Valid	Media sosial	39	17.6	32.5	32.5
	Ibu ayah dan rakan	33	14.9	27.5	60.0
	Program sekolah dan university	38	17.2	31.7	91.7
	Minat dan belajar sendiri	10	4.5	8.3	100.0
	Total	120	54.3	100.0	
Missing	System	101	45.7		
	Total	221	100.0		

Namun, daripada jumlah pelajar yang pernah terlibat kursus keusahawanan dan pernah terlibat dengan kerjaya keusahawanan, hanyalah seramai 74 siswazah (33.5%) sahaja daripada responden menjalankan kerjaya keusahawanan sehingga kini. Hal ini menunjukkan peratusan siswazah yang masih menjalankan kerjaya keusahawanan semakin berkurang jumlahnya.

Jadual 3.4: Menjalankan keusahawanan pada masa sekarang

		Frequency	Percent	Cumulative Percent	
				Valid Percent	Percent
Valid	Ya	74	33.5	33.5	33.5
	Tidak	147	66.5	66.5	100.0
	Total	221	100.0	100.0	

Manakala dari sudut etnik, seramai 61 siswazah (82.4%) etnik Melayu menjalankan kerjaya keusahawanan pada masa pandemik Covid-19 sama ada melalui platform perniagaan atas talian, membuka kedai ataupun gandingan atas talian dan membuka kedai. Selain itu, dari etnik Cina seramai 6 siswazah (8.1%), etnik India pula seramai 4 siswazah (5.4%), dan etnik lain seramai 3 siswazah

(4.1%). Jumlah responden Melayu yang lebih ramai terlibat dalam mencebur kerjaya keusahawanan daripada kajian ini disebabkan jumlah responden paling ramai dalam kalangan etni Melayu.

Manakala dari sudut jantina, siswazah berjantina perempuan seramai 40 orang (54.1%) terlibat dalam kerjaya keusahawanan, sedangkan siswazah jantina lelaki seramai 34 orang (45.9%).

Manakala dari jumlah 74 siswazah yang terlibat kerjaya keusahawanan pada masa sekarang, seramai 10 siswazah mengambil pendekatan perniagaan secara konvensional iaitu perniagaan yang dijalankan di kedai atau gerai, bazar mahupun pasar malam. Manakala keusahawanan yang dijalankan secara online seramai 48 siswazah. Seterusnya bakinya seramai 16 siswazah menjalankan perniagaan dengan menggabungkan perniagaan secara konvensional dan secara atas talian (online).

Jadual 4: Jumlah responden yang terlibat aktif dalam kerjaya keusahawan pada masa pandemic Covid-19

Jenis		n	min	S.p	P
Bangsa	Melayu	61	82.4	1.31	0.449
	Cina	6	8.1		
	India	4	5.4		
	Lain-lain	3	4.1		
Jenis Keusahawanan	Konvensional	10	13.5	2.08	0.010
	Digital	48	64.9		
	Konvensional dan Digital	16	21.6		
Jantina	Lelaki	34	45.9	0.502	0.332
	Perempuan	40	54.1		
Pekerjaan orang tua	Peniaga	7	9.5	1.091	0.109
	Bukan peniaga	67	90.5		
Menjalankan keusahawanan	Sebelum pandemik	43	58.1	.232*	.047
	Semasa pandemik	31	41.9		
Belajar keusahawanan	Media sosial	26	35.1	-.245*	.035
	Ibu ayah dan rakan	23	31.1	.035	
	Program sekolah dan university	21	28.4		
	Minat dan belajar sendiri	4	5.4		

*signifikan pada aras 0.05 *. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Jadual 4 menunjukkan dapatan hasil ujian ANOVA Satu Hala dalam penentuan perbezaan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan di antara siswazah berlainan etnik bangsa, jantina, dan ahli keluarga peniaga. Hasil ujian Anova Satu Hala menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan di antara bangsa dengan dengan jantina dalam pemilihan kerjaya keusahawanan ($F = -.196$, $P > 0.05$). manakala jantina juga tidak memberi pengaruh signifikan terhadap motivasi kerjaya keusahawanan. Namun faktor sumber ilmu keusahawanan memberi pengaruh signifikan terhadap masa menjalankan keusahawanan ($F = -.245$, $P > 0.05$). Manakala masa menjalankan keusahawanan yang dijalankan pada masa pandemic mempunyai pengaruh signifikan dengan etnik bangsa ($F = .232$, $P > 0.05$) dan sumber ilmu keusahawanan ($F = .245$, $P > 0.05$). Manakala sikap usahawanan tidak memberi pengaruh signifikan bangsa, jantina, sumber ilmu keusahawanan, pengambilan keputusan mengambil kerjaya keusahawanan (Jadual 4).

6. Perbincangan

Kecenderungan kepada inovasi, hasil reka cipta baru, pengambilan keputusan terhadap pengambilan suatu peluang merupakan ciri individu berminda keusahawanan. Minda keusahawanan mempunyai pengaruh kepada perlakuan ke arah aktiviti dan hasil keusahawanan. Kajian menunjukkan siswazah mempunyai minat yang mendalam dalam menceburi kerjaya keusahawanan. Hal ini ditunjukkan oleh lebih daripada separuh siswazah terlibat dalam kerjaya keusahawanan sama ada sebelum pandemic Covid-19 mahupun semasa pandemic Covid-19 melanda negara. Ini menunjukkan implikasi daripada program keusahawanan yang disyorkan di pusat pendidikan yang pernah dipelajari ataupun dianjurkan siswazah. Kajian yang dijalankan Nasharudin (2010) menunjukkan hasil dapatan peranan program keusahawanan yang dijalankan di fakulti di universiti dapat memahami, menghayati dan mengamalkan ilmu keusawahanan yang dipelajari serta seterusnya menjalankan aktiviti keusahawanan [16].

Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan tidak sampai separuh daripada siswazah yang pernah berkerjaya keusahawanan yang didedahkan daripada program keusahawanan daripada fakulti di universiti. Pengambilan keputusan mengamalkan ilmu keusahawanan siswazah responden diperolehi daripada bahan berunsurkan media sosial facebook, twitter, instragram, sumber ilmu dari ibu bapa, ahli keluarga dan rakan. Hal ini juga disebabkan kemudahan pada masa kini untuk mendapat bahan melalui internet sememangnya sangat mudah dicapai. Pencarian ilmu keusahawanan melalui media sosial memberi kemudahan dari sudut masa, kos, mahupun tempat. Secara umumnya, siswazah secara majoriti mempunyai sikap positif terhadap kerjaya keusahawanan. Kesedaran kepada sumbangan positif dari sudut ekonomi mahupun peningkatan kemahiran diri dari sudut kepimpinan dan tanggungjawab yang digalas daripada kerjaya keusahawanan menguatkan sikap mereka terhadap keusahawanan.

Penyelesaian pengurangan jumlah pengangguran dalam negara yang turut diakibatkan lambakan graduan tidak berkerjaya akan dapat dikurangkan sekiranya lebih ramai graduan siswazah memilih kerjaya keusahawanan. Bahkan pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan graduan diharapkan membantu membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada pengangguran lain dalam negara. Justeru, pendedahan keusahawanan melalui program keusahawanan di peringkat universiti perlu digalakkan lagi. Hal ini untuk memupuk sikap dan minat keusahawanan dikalangan siswazah dapat berjalan secara komprehensif bermula dari rumah, sekolah dan universiti.

Ibu bapa merupakan insan yang amat bermakna dalam kehidupan siswazah. Kehidupan mereka sangat dipengaruhi oleh ibu bapa. Bagi kajian ini, responden mempunyai ibu bapa yang berkerja sebagai pegawai kerajaan mahupun berkerja makan gaji dan selesa. Namun ramai juga dalam kalangan ibu bapa peniaga mahupun berkerja swasta dan berkerja sendiri. Ini menunjukkan bahawa pendidikan non formal ibu bapa tidak menghalang responden daripada mengambil aspirasi kerjaya keusahawanan. Bahkan ada dalam kalangan responden yang mempunyai pengetahuan keusahawanan yang ditularkan dari ahli keluarga seperti kakak atau abang kepada responden. Hal ini sangat membantu memupuk semangat dan aspirasi keusahawanan serta membina kejayaan keusahawanan dalam kalangan keluarga mereka.

Pensyarah merupakan pendorong kepada aspirasi belajar murid. Kajian yang dijalankan Acharya & Chandra (2019) mendapati jika berlakunya kesalahfahaman terhadap pendidikan keusahawanan memberi impak pelajar tidak menjawai ciri-ciri keusahawanan serta boleh mempengaruhi kejayaan kerjaya keusahawanan mereka [17]. Menurut Zaidatol & Habibah (1997) bahawa penerapan kefahaman ke atas pendidikan keusahawanan membantu melahirkan usahawan baru di kalangan siswazah [18]. Hal ini juga dapat membantu membina potensi keusahawanan individu [2]. Pensyarah pula diharapkan menjadi pemantik semangat penerokaan kepada kerjaya keusahawanan siswazah. Namun kajian ini mendapati pensyarah tidak menjadi faktor yang mempengaruhi pemilihan siswazah ke atas kerjaya keusahawanan. Pensyarah tidak mempunyai pengaruh signifikan mencetuskan aspirasi dan mendorong siswazah ke arah keusahawanan. Hal ini berkemungkinan keadaan pensyarah mampu menguasai aspek kemahiran pengetahuan dan pengurusan keusahawanan namun tidak memiliki pengalaman luas dalam keusahawanan [2]. Oleh itu penting melibatkan pihak industri perniagaan dan keusahawanan untuk kerjasama dan berkongsi pengalaman kepada pelajar semasa sesi pembelajaran mahupun kursus yang ditawarkan kepada pelajar.

Bahkan Rabbior (1990) turut mencadangkan supaya pengajar kepada pendidikan keusahawanan dilakukan oleh pendidik yang mempunyai minat keusahawanan [19]. Hal ini diharapkan dapat memberikan perubahan kepada aspek sikap dan nilai seperti personaliti dan tingkah laku keusahawanan yang ditawarkan pensyarah pada masa hadapan. Perkongsian kepakaran dari pihak industri juga dapat membuka peluang siswazah mengenal pasti peluang dan merebut peluang daripada persekitaran. Ianya juga dapat membuka minda pelajar serta menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi dan mampu bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian [2]. Justeru itu, kepekaan keadaan pandemik Covid-19 misalnya dapat membuka peluang siswazah memanfaatkan situasi kesukaran sebagai peluang perniagaan kepada mereka. Justeru kami mencadangkan kepada pihak kementerian Pendidikan Tinggi untuk meningkatkan dan menambah latihan serta kursus kepada pensyarah yang terlibat dengan P&P keusahawanan serta mencari “*partnership*” dengan syarikat yang berpotensi membantu pensyarah memahami perniagaan. Begitu juga kepada pihak universiti untuk membuat pemantauan keberkesanan kebolehpasaran pelajar dan kebolehgunaan ilmu keusahawanan. Hal ini dapat meningkatkan jumlah siswazah yang terlibat aktif dalam kerjaya keusahawanan.

Lebih elok lagi jika pensyarah pengajar kursus keusahawanan diberi peluang dan ruang melibatkan diri dalam mengurus dan menjalankan perniagaan. Perkara ini dapat menjadi pemantik semangat pensyarah serta menjadi pengalaman berharga kepada siswazah. Walau bagaimanapun, pemantauan kepada perkara perlulah dijalankan. Pengalaman secara realiti, membolehkan mereka mendapat pengalaman perniagaan serta meningkatkan kualiti penyampaian ilmu secara P&P kepada siswazah dalam kerjaya keusahawanan. Kajian lepas seperti Nasharudin & Harun (2010) turut menyokong keperluan kepada tingkah laku keusahawanan di kalangan pengajar dan pemimpin akademik dapat membentuk keusahawanan akademik yang signifikan di kalangan pelajar universiti [16]. Perubahan sikap dan pemikiran pimpinan akademik di peringkat atas dan bawah dapat meningkatkan pengaruh kepada pemilihan pelajar terhadap kerjaya keusahawanan.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan adanya kelainan fungsi daripada pihak kepimpinan akademik dengan kepimpinan keusahawanan. Tugas dan tanggungjawab kepimpinan akademik adalah pengajaran dan penyelidikan. Namun hal ini dapat diharmonikan melalui sistem pengajaran inovatif serta menegaskan peluang yang wujud serta memahami permintaan pasaran sebelum sesuatu penyelidikan dilakukan serta mempunyai nilai-nilai komersial dan diminati industri [20]. Justeru keusahawanan akademik tidak terintegrasi dengan dunia industri dalam memenuhi kehendak industri yang memerlukan proses penyelidikan dan penembangan (research and development) serta mempunyai output pengkomersialan. Maka organisasi keusahawanan akademik serta persekitaran yang mendukung kepada keusahawanan di kalangan pendidik dan pelajar perlu menjadi budaya bagi menjayakan hasrat melahirkan pelajar berkerjaya keusahawanan.

Selain itu, kursus kesahawanan yang pernah disertai siswazah tidak berupaya dan berjaya mengubah dan mempengaruhi mereka mengamalkan ilmu keusahawanan menjadi realiti. Kefahaman siswazah bahawa kursus keusahawanan setakat ilmu teori sahaja untuk melengkapkan subjek pelajaran turut mempengaruhi untuk tidak bertindak mengambil peluang menjalankan aktiviti keusahawanan. Ketakutan kepada pengambilan keputusan untuk perubahan serta kerisauan melakukan kesilapan dan menanggung risiko kegagalan menyelimuti diri mereka. Namun mereka mempunyai pandangan positif dan minat terhadap kerjaya keusahawanan. Namun demikian, minat dan pandangan positif sememangnya tidak menjamin mereka terlibat dalam dalam keusahawanan. Walau bagaimanapun, penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan sememangnya pengalaman yang amat bermakna serta membantu mereka mendapat pengalaman baru dan menggalakkan mereka menjalani kerjaya keusahawanan [21].

Pendekatan pembelajaran secara dua hala dengan berpusatkan pelajar merupakan pembelajaran interaktif untuk menumbuhkan minat dan bakat keusahawanan perlu dijalankan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Psikologi pelajar sememangnya mempunyai minat kepada keusahawanan, namun keberanian mengambil keputusan menjalankan keusahawanan berada diperingkat lemah dan sederhana. Hal ini ditunjukkan lebih daripada 60 peratus responden melibatkan diri dalam kursus keusahawanan yang disyorkan pihak universiti. Pihak kerajaan melalui kementerian pendidikan tinggi perlu mencari solusi bagi mengatasi masalah ini. Kesediaan dari sudut kemahiran praktikal belum

memadai bagi siswazah menggeluti kerjaya keusahawanan. Kemudahan yang memadai, sumber-sumber ilmu keusahawanan, keadaan persekitaran yang menyokong di universiti merupakan pendokong kepada kesediaan pelajar mengambil kerjaya keusahawanan. Niat dan minat serta sokongan pihak universiti dapat membantu siswazah merealisasikan kerjaya keusahawanan menjadi suatu kenyataan. Namun hasil kajian ini selari dengan kajian Rahim et al. (2020) yang mendapati infrastruktur kampus tidak sepenuhnya memberi pengaruh kepada minat keusahawanan dalam kalangan siswazah. Namun kajian ini tidak selaras dengan kajian Syahrina et al. (2009) yang mendapati faktor pencetus minat kerjaya keusahawan di kalangan pelajar yang disokong insfrastruktur universiti [23].

Justeru usaha penyediaan kurikulum pembelajaran bersepadu mahupun kokurikulum merentasi sempadan subjek perlu dilakukan. Ianya perlu merangkumi aspek keseimbangan dalam teori dan praktikal serta mengembangkan kemahiran aspek teknikal, kemahiran komunikasi, akhlak, teknologi, sikap usahawan dan tingkah laku, kreativiti mahupun inovasi. Alan Gibbs sebagaimana dikutip Mohd Amir Sharifuddin (1995) mengesyorkan supaya berlaku integrasi keusahawanan pada semua subjek yang diajar di universiti [24].

Kajian ini telah memberikan beberapa pandangan untuk penyelidikan mengenai hubungan teori dan hubungan antara tingkah laku kepemimpinan dan tahap keusahawanan akademik di universiti penyelidikan awam Malaysia. Tidak perlu dikatakan bahawa kajian ini bersifat eksploratif dan mengalami batasan. Salah satu batasan kajian adalah bahawa soal selidik bergantung pada laporan diri dan data persepsi akademik terhadap universiti mereka. Lebih-lebih lagi, ukuran sampel kecil sehingga generalisasi hasilnya bermasalah.

7. Kesimpulan

Minat siswazah menerokai kerjaya keusahawanan memerlukan sokongan dari pelbagai pihak. Pembentukan sikap yang tepat bagi kusahawanan dapat membantu menjayakan hasrat keraajaan melahirkan lebih ramai graduan akademik berkerjaya sendiri. Kepemimpinan keusahawanan di peringkat universiti memerlukan usaha bersinergi di peringkat pengajar, infrastruktur, kurikulum muhun polisi bagi mendukung hasrat melahirkan graduan keusahawanan akademik. Namun minat dan sikap positif siswazah terhadap kerjaya keusahawanan tidak memadai menghasilkan kejayaan melahirkan siswazah berkerjaya keusahawanan. Sikap komited, berkeyakinan diri dan lokus kawalan dalaman meemrlukan sokongan keberanian mengambil risiko untuk menjayakan hasrat berkerjaya keusahawanan.

Bagi memupuk sesuatu yang baru seperti keusahawanan akademik tentu menghadapi cabaran kerana pengurusan universiti dilimitkan dengan undang-undang dan prosedur tertentu. Peruntukan kewangan, tujuan pembangunan sesuatu program tertentu mesti mendapat restu daripada jabatan yang diberi tanggungjawab meluluskannya. Namun melalui hasrat pendidikan tinggi kebangsaan melahirkan lebih ramai graduan mempunyai kemahiran, usaha mewujudkannya patut disambut baik pihak pengurusan universiti.

Pemahaman dan visi yang kuat berdasarkan kepada wujudnya manfaat yang diperolehi dengan mendatangkankekayaan dan pembukaan ruang pekerjaan kepada graduan melalui usaha keusahawanan dapat menyebabkan usaha pengkomersialan menjadi agenda penting universiti dan graduan siswazah. Justeru, kecemerlangan universiti boleh dicapai melalui ciri kepimpinan dan keusahawanan dengan memperkuuh latihan dan motivasi untuk membina budaya keusahawanan di kalangan siswazah melalui pengkomesialan dan inovasi.

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- [1] Pihie, Z. A. L., & Akmaliah, Z. (2009). Entrepreneurship as a career choice: An analysis of entrepreneurial self-efficacy and intention of university students. European journal of social sciences, 9(2), 338-349.
- [2] Nor Aishah, B. (2002). Asas Keusahawanan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- [3] Lini, Z. Z., & Sasana, H. (2019). Pengaruh tingkat globalisasi terhadap pengangguran Di ASEAN. Jurnal REP (Riset Ekonomi Pembangunan), 4(1), 13-26.
- [4] Norasmah, H. O., & Halimah, H. (2007). Keusahawan remaja Malaysia. Serdang: Penerbit UPM.
- [5] Haris, A. H. (2016). Permata Budi: Karya Sumbangsih Sempena Persaraan Professor Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam. The University of Malaya Press.
- [6] Krueger, N. F., & Carsrud, A. L. (1993). Entrepreneurial intentions: Applying the theory of planned behaviour. Entrepreneurship & regional development, 5(4), 315-330.
- [7] Noor, A., Sari, E. P., Novitasari, F. T., Puspitasari, F. D., & Patarianto, P. (2020). The effect of personal development and networking on entrepreneurship interest with supervising lecturers'as the intervening variable. Paper presented at the Proceedings of the International Conference on Industrial Engineering and Operations Management, (March) 1992-1996. Retrieved from www.scopus.com.
- [8] Laipat, F. B., & Othman, N. (2021). Hubungan Antara Kemahiran Dengan Budaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(2), 293-313.
- [9] Ruswanti, E: Martina, K & Suwandi, A,2014, Model Pendidikan Kewirausahaan di Perguruan Tinggi, Prosiding dan call for Paper Seminar nasional FMI 6 di Medan ISSN 2407-0548 Nopember 2014.
- [10] Ruswanti, E. (2016). Entrepreneurship knowledge, training home industry, and attitude towards entrepreneurial intention enterpreunership. International Journal of Applied Business and Economic Research, 14(5), 2803-2816.
- [11] Schmitt-Rodermund, E., & Vondracek, F. W. (2002). Occupational dreams, choices and aspirations: Adolescents' entrepreneurial prospects and orientations. Journal of Adolescence, 25(1), 65-78. <https://doi.org/10.1006/jado.2001.0449>.
- [12] Catallozzi, M., de Roche, A. M., Hu, M. C., Breitkopf, C. R., Chang, J., Ipp, L. S., ... & Rosenthal, S. L. (2017). Adolescent and parent willingness to participate in microbicide safety studies. Journal of pediatric and adolescent gynecology, 30(1), 82-87. <https://doi.org/10.1016/j.jpag.2016.06.009>
- [13] Zhang, Y., Duysters, G., & Cloost, M. (2014). The role of entrepreneurship education as a predictor of university students' entrepreneurial intention. International entrepreneurship and management journal, 10, 623-641.

- [14] Hussin, F. B., Ali, J., & Noor, M. S. Z. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS* (UUM Press). UUM Press.
- [15] Din, R., Ahmad, M., Kz, M. F., Sidek, N. M., Karim, A. A., Johar, N. A., ... & Ariffin, S. R. (2009). Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik gaya e-pembelajaran (eLSE) versi 8.1 menggunakan model pengukuran Rasch. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 5(2), 15-27.
- [16] Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 35(1).
- [17] Acharya, S. R., & Chandra, Y. (2019). Entrepreneurship skills acquisition through education: impact of the nurturance of knowledge, skills, and attitude on new venture creation. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Educational and Pedagogical Sciences*, 13(2), 186-196.
- [18] Zaidatol Akmaliah, L.P., Habibah, E. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- [19] Rabbior, G. (1990). Elements of a successful entrepreneurship/economics/education program. *Entrepreneurship education: Current developments, future directions*, 53-65.
- [20] Yusof, M., Siddiq, M., & Nor, L. (2012). Internal factors of academic entrepreneurship: The case of four Malaysian Public Research Universities. Yusof, Mohar, Siddiq, Mohammad Saeed and Mohd Nor, Leilanie, *Internal Factors of Academic Entrepreneurship: The Case of Four Malaysian Public Research Universities* (2012). *Journal of Entrepreneurship, Management and Innovation (JEMI)*, 8(1), 84-115.
- [21] Pihie, Z. L., & Bagheri, A. (2011). Malay secondary school students' entrepreneurial attitude orientation and entrepreneurial self-efficacy: A descriptive study. *Journal of Applied Sciences*, 11(2), 316-322.
- [22] Rahim, I. H. A., Pawan, M. T., Sung, T. P., & Abdullah, A. S. (2020). *Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Keusahawanan: Kajian Terhadap Pelajar Program Keusahawanan*.
- [23] Syahrina, A., Habshah, B., Ooi, Y. K. & Norashidah, H. (2009). *Kajian Keberkesanan Graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Universiti Utara Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pembangunan Keusahawanan 2009, 8-9 Disember 2009.
- [24] Mohd Amir Shariffudin Hashim, Barjoyai Bardai, Rogayah Md Zain & Zulkifli Senteri. 1995. *Program Usahawan Muda: Kajian keberkesanan peningkatan motivasi dan minat terhadap keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan* 20: 67-83